

# BULETIN PESARA

## Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 4 Ogos 2015

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010


### UTUSAN DARIPADA JAWATANKUASA

Salam hormat daripada kami AJK Persatuan Pesara, UKM sesi 2015/2017.

Seperti yang kita semua sedia maklum, Persatuan Pesara UKM ialah sebuah Pertubuhan Bukan-kerajaan (NGO) yang baru berumur lima tahun. Meskipun 'muda' ia telah berjaya menjalinkan hubungan erat dengan UKM dan kementerian-kementerian berkaitan di samping mengemblengkan tenaga ahli-ahlinya untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan kebajikan, riadah dan rohaniah demi kepentingan bersama dan komuniti-komuniti di Bandar Baru Bangi dan kawasan sekitarnya. Kami akan terus mengamalkan 'tradisi' ini yang dari kaca mata kami adalah sesuatu yang unik bagi Persatuan kita. Bukan itu sahaja kami juga menaruh harapan agar penerusan tradisi ini akan membolehkan Persatuan kita nanti mengukir imej (citra) sebagai sebuah Pertubuhan Bukan-kerajaan yang aktif dan dinamik baik di peringkat tempatan mahupun di peringkat kebangsaan. Kami akan berusaha sedaya upaya kami untuk memenuhi harapan ini. Namun demikian usaha kami boleh dipermudah dan dipercepatkan lagi sekiranya saudara/i terus memberi sokongan dalam bentuk apa jua pun kepada Persatuan amnya dan kami khususnya. Oleh itu, sekiranya saudara/i ada idea dan/atau cadangan tentang bagaimana hendak membangun dan menjadikan Persatuan ini lebih terampil, silalah hubungi kami. Pandangan dan saranan saudara/i amat dialu-alukan dan pasti akan dibawa ke meja perbincangan. Bagi mereka yang ingin menyambut seruan di atas, sila hubungi

- Khalis Md Saleh (HP 012-220-6812; emel halisalee@yahoo.com)
- Salmah Kasmani (HP 012-375-5899; emel salmah.kasmani@gmail.com).

Atau layari laman sesawang persatuan [www.ukm.my/pesara](http://www.ukm.my/pesara) untuk mengikuti perkembangan-perkembangan terkini mengenai aktiviti persatuan. Sebarang email boleh juga dihantar kepada [pesara@ukm.edu.my](mailto:pesara@ukm.edu.my).



#### Sidang editor Buletin:

- Sharifah Zaleha Syed Hassan (Dato' Dr) – Ketua
- Mansoor Hj. Ahmad
- Khalis Md Saleh
- Salmah Kasmani

*Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri H1436/2015*

*5 Ogos 2015 (Rabu)*

*2.30 petang*

*Dewan Bankuasi, Aras 2, Bangunan Canselori*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

**SELAMAT HARI RAYA**

**MAAF ZAHIR BATIN**

*Drpd*

**AJK PERSATUAN PESARA UKM,  
SESI 2015/2017.**

## PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE 5

Mesyuarat di atas telah diadakan pada 23 Mac 2015 di Bilik Mesyuarat Senat, Aras 5, Bangunan Canselori. Ia bermula jam 10.00 pagi dan dirasmikan oleh YBhg Prof. Datuk Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor, UKM. Selain mengalu-alukan peranan penting yang dimainkan oleh Persatuan untuk mengeratkan hubungan di antara bekas pekerja UKM, YBhg Prof. Datuk Noor Azlan juga meluahkan hasratnya untuk melibatkan Persatuan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh unit-unit dalam UKM. Satu program yang sedang difikirkannya ialah "Sesi Bercerita". Program seperti ini menurut beliau, pasti boleh memberi peluang kepada ahli-ahli Persatuan untuk memberitahu para hadirin tentang pengalaman mereka semasa berkhidmat di UKM. Bukan itu sahaja, program tersebut juga boleh meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pelajar-pelajar UKM tentang sejarah penubuhan dan pembangunan UKM. Saranan ini diterima baik oleh Persatuan dan kini menunggu pihak UKM melaksanakannya.

### AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN (2015-2017)

Berikut ialah nama ahli-ahli Persatuan yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Ke 5 untuk menganggotai Jawatankuasa Persatuan bagi tahun 2015 hingga 2017.

#### Pengerusi

Baharuddin Alang Ishak

#### Timbalan Pengerusi

Mohd Wahid Samsudin (Dato' Dr)

#### Bendahari

Rosenaini @Rusnaini A. Saman

#### Setiausaha

Khalis Md Saleh

#### Penolong Setiausaha

Salmah Kasmani

#### AJKB

- Ishak Arshad (Ir)
- Mansoor Hj Ahmad
- Omar Jaafar
- Padlon Yahya
- Ramlah Khalid
- Sabardin Ahmad
- Sabli Ibrahim
- Sharifah Zaleha Syed Hassan (Dato' Dr)

#### Juru Audit

- Asiff Abdul Rahman
- Ismail bin Othman

### BIRO-BIRO PERSATUAN

Sekiranya dahulu Persatuan mempunyai lima biro untuk mengendalikan kegiatan-kegiatannya, kini ia mempunyai tiga sahaja. Keputusan ini dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Persatuan yang ke-25 bertarikh 1 April 2015 dan setelah memikir semula tentang peranan biro-biro yang sedia ada maka Jawatankuasa bersetuju menubuhkan Biro-biro berikut dengan diketuai oleh:

#### Biro Penerangan dan Penerbitan

Mansoor Hj Ahmad

#### Biro Kebajikan dan Kerohanian

Ramlah Khalid

#### Biro Lawatan dan Riadah

Ishak Hj Arshad (Ir)

### UNDANGAN-UNDANGAN

Pengerusi Persatuan Hj Baharudin Alang Ishak bersama beberapa orang AJK Persatuan telah menghadiri

- Majlis Pelancaran Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya, Putrajaya. Majlis ini diadakan pada 13 April 2015 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Abdul Razak. Beberapa AJK juga telah hadir di Majlis Berbuka Puasa pada 7 Julai 2015 bertempat di masjid . Tuanku Al Mizan Zainal Abidin Putrajaya. .

## KEGIATAN KEBAJIKAN DI BULAN RAMADHAN

Sempena Ramadhan tahun ini, Persatuan telah menyumbang sejumlah RM2,000.00 kepada Maahad Tahfiz Iqro al-Quran di Lot 3690-15A, Jalan Tok Dagang Kg. Sungai Merab Jaya bagi membiayai majlis berbuka puasa bersama pada 26 Jun 2015. Sekolah tahfiz ini di urus oleh sekumpulan sukarelawan muda yang memberi perlindungan dan pendidikan agama kepada anak-anak yatim dan yang miskin yang tinggal di negeri Selangor. Sekolah ini mempunyai 180 pelajar yang berusia antara tujuh hingga lima belas tahun. Tugas-tugas mendidik dan menjaga pelajar-pelajar dipikul oleh 45 orang guru. Sekolah ini dibekalkan dengan sebuah asrama, dewan perhimpunan, dewan makan dan surau dan bergantung kepada sumbangan orang awam, pertubuhan bukan-kerajaan, dan kerajaan untuk pembiayaannya.

Selepas iftar, mereka mengerjakan solat maghrib berjemaah yang diimamkan oleh salah seorang pelajar yang sudah banyak menghafaz ayat Quran. Sebelum bersurai mereka menyertai majlis tahlil ringkas.

## LOKASI BARU PEJABAT PERSATUAN

Adalah dimaklumkan bahawa pejabat Persatuan yang sekarang ini bertempat di Blok 1, Rumah Kayu, UKM akan berpindah ke Kolej Keris Mas, Aras 5. Urusan sedang dibuat dengan

pihak-pihak tertentu UKM untuk mendapatkan perabot dan kelengkapan lain untuk pejabat baru itu. Ahli akan dimaklumkan mengenai tarikh sebenar pejabat baru ini akan berfungsi.

## MENGENAI AHLI-AHLI PERSATUAN

Persatuan Pesara UKM telah berjaya menambah bilangan ahlinya daripada 201 pada tahun 2014 menjadi 211 pada tahun ini. Walaupun terdapat pertambahan ahli, namun peratusan ahli Persatuan dikira masih kecil memandangkan pada akhir tahun 2014, bilangan kakitangan UKM yang telah bersara mencecah 2,000. Oleh itu adalah menjadi harapan kami agar saudara/i juga berusaha mendapatkan ahli-ahli baru untuk Persatuan.

Yuran keahlian ialah seperti berikut.

- Yuran Masuk RM3.00
- Ahli biasa RM12.00 setahun
- Ahli seumur hidup RM50.00

Borang keahlian boleh dimuat turun daripada laman sesawang Pesara UKM atau diperolehi daripada Setiausaha Persatuan (Khalis Md Salleh, HP 0122206812) atau Penolong Setiausaha Persatuan (Salmah Kasmani, HP 0123755899) atau muat turun dari laman sesawang Persatuan [www.ukm.my/pesara](http://www.ukm.my/pesara)

## LAWATAN

Biro Lawatan dan Riadah akan menganjurkan lawatan 4 hari 3 malam ke Bali Kintamani dan Pulau Penyu pada 9 Okt – 12 Oktober 2015.

	DEWASA	KANAK N/B	KANAK E/B
TIKET :	RM 1450.00	RM1180.00	RM1280.00

Mereka yang berminat boleh hubungi Ir. Ishak Hj. Arshad (012 3412975) atau layari laman sesawang pesara untuk mendapatkan atur cara penuh lawatan dan borang penyertaan.

**IKLAN*****Chalet Teras Jernang***

Lokasi: lebih kurang 1.5 km dari UKM, Bandar Baru Bangi, NIOSH, Akademi Percukaian Malaysia dan Rumah Anak Yatim Izzah.

Alamat: Lot 2191 Jalan Bahagia, Kg Teras Jernang, Bangi, Selangor

Kadar sewa: RM50.00 - RM160.00

Masa check in: 2.00 ptg

Masa check out: 12.00 tengah hari

Nombor dihubungi: 0192843979 (Ani);

0122026496 (Omar Jaafar)

**SEMUA AHLI ADALAH DIGALAKKAN MELAYARI  
LAMAN SESAWANG PERSATUAN  
[www.ukm.my/pesara](http://www.ukm.my/pesara) bagi mendapatkan  
berita-berita yang terkini.**